

## MASALAH AIR DI KAMPUNG ORANG ASLI PASIR PUTEH

# Status pemilikan tanah jadi halangan

**Pasir Gudang:** Isu ketiadaan bekalan air di kediaman penduduk Kampung Orang Asli Pasir Puteh di sini, agak rumit untuk diatasi berikutan status pemilikan tanah berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Datuk Zahari Sarip berkata, bagaimanapun pihaknya tidak bersikap lepas tangan sebaliknya berusaha membantu penduduk terjejas.

Beliau berkata, majoriti penduduk tinggal di perkampungan berkenaan sejak 1970-an.

"Hasil pertemuan dengan pimpinan setempat dan agensi kerajaan, jelas bahawa penduduk tinggal di tanah pemilikan beberapa pihak seperti syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Johor Corporation (JCorp).

"Oleh kerana di bawah tanah pemilikan orang lain, isu ini men-

jadi rumit dan tidak boleh diselesaikan dalam masa terdekat.

"Keadaan itu juga mengakibatkan Ranhill SAJ Sdn Bhd tidak dapat menyediakan utiliti itu kepada penduduk.

"Namun selepas ini, kita akan membuat perbincangan secara terperinci yang akan diperlakukan di peringkat pejabat daerah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat lawatan ke kampung berkenaan yang sukar mendapatkan kemudahan bekalan air bersih untuk kegunaan sehari-hari.

Terdahulu, Zahari mengadakan perbincangan bersama pegawai daerah, Ranhill SAJ, pejabat tanah, Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Pengarah Kementerian

Pembangunan Luar Bandar serta agensi lain yang berkaitan.

Zahari berkata, bagi pelan jangka pendek, kerajaan negeri meminta Ranhill SAJ untuk menambah satu atau dua tong air ke kampung itu bagi menampung keperluan penduduk.

"Untuk jangka pendek ini, kita minta Ranhill SAJ tambah lagi dua tong air berdasarkan keperluan penduduk.

"Bagi pelan jangka panjang, kita akan bincang lagi, nampak ada penyelesaian cuma tak boleh selesaikan segera dan perlukan pembabitan beberapa pihak termasuk agensi kerajaan.

"Saya berharap penduduk kampung bersabar, ia mungkin ambil sedikit masa tetapi kita tak lepas tangan" katanya.

**“Isu ini jadi rumit dan tidak boleh diselesaikan dalam masa terdekat**

**Zahari**